

Media Title : Harian Metro  
Headline : Dalam akaun tinggal RM48 ditipu scammer  
Date : 29 May 2023  
Section : Lokal  
Page : 6



# Dalam akaun tinggal RM48 ditipu scammer

*Kakitangan kerajaan rugi RM852,000 diperdaya ‘pendakwa raya’*

**Kota Bharu**

**S**eorang kakitangan kerajaan kerugian RM852,000 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket menggunakan takтик panggilan telefon yang menyamar pegawai insurans, pegawai mahkamah dan polis.

Ketua Polis Kelantan Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, mangsa lelaki berusia 50-an menerima panggilan telefon daripada syarikat insurans yang sama pada awal Februari memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram.

“Menerusi panggilan itu, suspek mengatakan waran tangkap dan waran pembekukan akaun ke atas mangsa dikeluarkan. Panggilan telefon kemudiannya disambungkan kepada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai timbalan pendak-

**RM350k**  
Jumlah pinjaman peribadi dibuat mangsa selepas diarahkan

tempoh singkat.

Mangsa kemudiannya sekali lagi menerima panggilan telefon daripada syarikat insurans yang sama pada awal Februari memaklumkan bahawa mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram.

“Menerusi panggilan itu, suspek mengatakan waran tangkap dan waran pembekukan akaun ke atas mangsa dikeluarkan. Panggilan telefon kemudiannya disambungkan kepada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai timbalan pendak-

wa raya.

“Mangsa diarahkan untuk membuka akaun Agro Bank dan memberikan nombor telefon yang diberikan oleh suspek semasa proses pembukaan akaun bank tersebut selain suspek turut meminta mangsa untuk memindahkan wang dari akaun ASB milik mangsa ke dalam akaun baru dibuka,” katanya dalam satu kenyataan.

Muhamad Zaki berkata, pada masa yang sama suspek juga mengarahkan mangsa untuk membuat pinjaman peribadi dengan bank MBSB sebanyak RM350,000 selain mangsa melakukan pemindahan ke dalam akaun Agro Bank miliknya seperti yang diarahkan oleh suspek.

Katanya, suspek kemudiannya memberitahu mangsa

sa bahawa pihak mahkamah memerlukan masa tiga bulan untuk memberikan keputusan rasmi kepada mangsa.

“Pada awal April, mangsa cuba untuk mendaftar perbankan dalam talian untuk akaun Agro Bank miliknya tetapi gagal kerana ada pihak mendaftar menggunakan nombor akaun mangsa.

“Mangsa kemudiannya membuat semakan di bank berhampiran dan mendapati baki di dalam akaun mangsa hanya berbaki RM48. Menyedari ditipu, mangsa hadir ke balai polis untuk membuat laporan polis,” katanya.

Beliau berkata anggaran kerugian lebih kurang RM852,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksianan.